



PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRM) BAHARU

Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRM) Baharu dibangunkan bagi menggantikan HRMIS 2.0 melalui Projek Pembangunan, Pemantapan, Pengukuhan dan Perluasan Bagi Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam Baharu. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh 34 bulan bermula 14 Mei 2023 hingga 14 Februari 2026, dan tempoh waranti selama 12 bulan dari tarikh sistem mula diguna pakai oleh semua pengguna.

VISI

Satu sistem yang adaptif bagi memacu pengurusan sumber manusia sektor awam dan membolehkan penyampaian perkhidmatan yang mengutamakan pengguna secara moden, lancar dan menyeluruh.



Data Analytics



Robotic Process Automation



Predictive Element

EDISI KALINI

- Pengenalan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRM) Baharu
- Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2023
- Pameran Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2023
- Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2023
- Program Pameran HRMIS Bersama Agensi
- Program Turun Padang HRMIS CARE

OBJEKTIF

- Membangunkan Sistem HRM Baharu dengan mengambil kira kitaran hayat pengurusan sumber manusia penjawat awam yang lengkap iaitu:



- Menjadikan data Sistem HRM Baharu sebagai sumber rujukan utama bagi menyokong perancangan strategik sumber manusia sektor awam melalui pembangunan platform pengurusan dan perkongsian data yang mengadaptasi teknologi terkini.

PROGRAM HRMIS USER GROUP SUMMIT (HUGS) 2023

Program HRMIS *User Group Summit* (HUGS) bagi Tahun 2023 merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertindak sebagai platform kepada JPA untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai pelaksanaan HRMIS di kementerian/ jabatan/ agensi/ PSUK. Sasaran penyertaan bagi program ini adalah daripada kalangan Pentadbir HRMIS secara khususnya dan Pengurus Sumber Manusia agensi secara amnya. Program telah berlangsung pada 21 September 2023 bertempat di Mesmera Ballroom, The Everly Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Rosilawati Binti Budor, Pengarah BDTM, JPA. Program HUGS pada kali ini diadakan bagi memberi penerangan mengenai sistem HRM Baharu dan membuat kaji selidik awal tahap kesiediaan pengguna terhadap sistem HRM Baharu.



PAMERAN PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM (PDISA) 2023



Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah menyertai pameran sempena Persidangan Digital Sektor Awam (PDISA) 2023 pada 13 September 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. PDISA 2023 telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) melibatkan penyertaan inklusif Pemimpin Digital Kerajaan serta rakan strategik daripada pihak industri termasuk pakar tempatan.



PROGRAM PAMERAN HRMIS BERSAMA AGENSI

Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan aktiviti promosi dan hebahan menerusi platform Program Pameran HRMIS di agensi-agensi yang melaksanakan program seperti Hari Terbuka HRMIS, Sambutan Bulan HRMIS, Pameran HRMIS agensi dan lain-lain. Tujuan pembukaan reruai (*booth*) adalah untuk mempromosi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi berkaitan sistem HRMIS dengan bantuan Pasukan Meja Bantuan (*Helpdesk*) JPA.

Pada bulan Julai sehingga September 2023, terdapat 3 agensi yang telah mengadakan pameran iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.



Kementerian
Pengajian Tinggi
12-13 Julai 2023



Kementerian
Kesihatan Malaysia
10 Ogos 2023



Jabatan
Imigresen Malaysia
22-23 Ogos 2023

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM SHARE HRMIS TAHUN 2023

Bagi Tempoh Bulan Julai hingga September 2023



Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA telah melaksanakan Program *SHARE* HRMIS bagi memberi latihan dan pendedahan kepada pentadbir HRMIS agensi serta pemilik kompetensi bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman berkaitan Sistem HRMIS. Sebanyak 8 siri latihan HRMIS melibatkan penyertaan seramai 5,850 kakitangan telah diadakan sepanjang tempoh Julai hingga September 2023.



SHARE HRMIS Siri 15
4 Julai 2023



SHARE HRMIS Siri 19
10 & 11 Ogos 2023

PROGRAM TURUN PADANG HRMIS CARE

Salah satu daripada aktiviti libat urus yang dilaksanakan oleh Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA adalah Program Turun Padang HRMIS CARE. Program HRMIS CARE ini merupakan Program Turun Padang HRMIS yang bertindak sebagai salah satu platform kepada pengguna HRMIS di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi memberi ruang kepada wakil agensi untuk mengutarakan sebarang isu atau masalah berkaitan HRMIS di agensi masing-masing. Ia merupakan sesi soal jawab antara JPA dan agensi secara *one-to-one*. Antara agenda yang dibincangkan adalah pembentangan Sistem HRM Baharu kepada wakil agensi.

Bagi tempoh Julai – September 2023 terdapat 3 agensi yang terlibat iaitu :-

- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dewan Bahasa Dan Pustaka

**Kementerian
Sumber Manusia**
18 Julai 2023



**Kementerian
Pendidikan Malaysia**
11 Ogos 2023

**Dewan Bahasa Dan
Pustaka**
14 September 2023



Change
Management
HRMIS JPA



hrmis2all



Pasukan
Promosi
HRMIS
JPA



Change
Management
HRMIS JPA



<https://spmb.jpa.gov.my>